



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KERANGKA PELAN TRANSFORMASI INDUSTRI MINERAL NEGARA (TIM 2021-2030)

Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri pada hari ini di Putrajaya Marriott Hotel. Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Persekutuan, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi dan peneraju industri serta turut disaksikan secara maya oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Kerangka Pelan TIM 2021-2030 merupakan satu kerangka komprehensif yang telah dibangunkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sebagai inisiatif untuk membangunkan industri mineral negara secara menyeluruh merangkumi peringkat huluan, pertengahan dan hiliran. Di samping itu, hasrat Kementerian juga adalah untuk memastikan industri mineral negara dapat dibangunkan secara bertanggungjawab dan mampan melalui pengurusan sumber asli secara cekap, seterusnya menjadikan industri mineral sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Kerangka ini menggariskan 5 teras utama yang merangkumi tadbir urus dan perundangan, pembangunan rantai nilai industri mineral, inventori dan pemetaan sumber mineral, teknologi dan inovasi dan pembangunan modal insan. Teras-teras ini diperkuatkan dengan penyediaan strategi yang menyeluruh serta disokong oleh perancangan pelan tindakan yang bersifat inklusif, di mana setiap pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, penggiat industri, institusi pengajian, Badan Bukan Kerajaan dan orang awam akan turut terlibat dalam usaha untuk menggerakkan industri ini ke satu tahap yang lebih maju.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli telah menetapkan visi "Sumbangan Signifikan Industri Mineral Kepada Pertumbuhan Ekonomi" sebagai agenda utama yang perlu dicapai dan dipandu melalui misi yang jelas iaitu "Membangunkan Industri Mineral

Dalam Keseluruhan Rantaian Nilai Berteraskan Kepada Prinsip Kemampunan". Ini memberi gambaran jelas bahawa usaha Kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan industri mineral semata-mata, malahan turut menekankan prinsip pembangunan secara bertanggungjawab dan mampan agar keseimbangan antara kemajuan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat dapat dicapai.

Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut, dokumen ini boleh dimuat turun di laman web Kementerian Tenaga dan Sumber Asli <https://www.ketsa.gov.my>.

Di samping pelancaran Kerangka Pelan TIM 2021-2030, turut diadakan pada hari ini adalah upacara menandatangani 2 Memorandum Persefahaman (MOU) bagi kerjasama dalam bidang pembangunan industri mineral negara, iaitu antara Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dengan syarikat Ranhill Berhad dan antara JMG dengan Malaysian Chamber of Mines (MCOM). Kerjasama ini diadakan bagi memajukan lagi industri mineral dengan lebih cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada aspek perlombongan mampan.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

22 APRIL 2021

